SW FOLIC ACID TABLETS

Folic Acid (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SW Folic Acid Tablet
2. Bagaimana SW Folic Acid Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan SW Folic Acid Tablet
4. Cara menggunakan SW Folic Acid Tablet
5. Semasa menggunakan SW Folic Acid Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SW Folic Acid Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan SW Folic Acid Tablet

Ia digunakan untuk merawat jenis anemia (kekurangan sel darah merah) yang disebabkan oleh kekurangan asid folik. Ia juga digunakan semasa mengandung untuk memastikan badan mendapat asid folik yang mencukupi.

Bagaimana SW Folic Acid Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini ialah asid folik. Ia tergolong dalam kumpulan vitamin B. Ia penting untuk pertumbuhan dan perkembangan sel darah merah yang seimbang.

Sebelum menggunakan SW Folic Acid Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan SW Folic Acid Tablet jika anda:

- sensitif/mempunyai alahan kepada asid folik atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan pada Maklumat Lanjut).
- mengalami kekurangan Vitamin B12 termasuk *pernicious anaemia* (jumlah sel darah merah rendah yang berkaitan dengan tahap vitamin B12 yang rendah) kerana asid folik tidak boleh diambil secara bersendirian atau tanpa vitamin B12 yang mencukupi bagi keadaan ini.
- belum mendapat pengesahan diagnosis penyakit.

- Sebelum mula menggunakan SW Folic Acid Tablet

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil :-

- asid folik dengan dos yang banyak
- metformin (ubat untuk mengawal paras gula dalam darah).
- phenytoin (ubat untuk merawat sawan)

Cara menggunakan SW Folic Acid Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Untuk diambil secara oral.

Untuk rawatan anemia megaloblastik:

Dewasa: 2 hingga 4 tablet setiap hari.

Kanak-kanak: 1 hingga 3 tablet setiap hari.

Untuk dos pengekalan:
Separuh tablet hingga 2 tablet setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Untuk anemia megaloblastik: 14 hari atau sehingga tindak balas yang optimum diperolehi.

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Semasa menggunakan SW Folic Acid Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil SW Folic Acid Tablet.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan SW Folic Acid Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan SW Folic Acid Tablet terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SW Folic Acid Tablet, boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah reaksi alahan atau alergi.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan SW Folic Acid Tablet

- Penyimpanan
Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet berwarna kuning pudar dan berbentuk bulat cembung dengan skor tunggal pada satu bahagian sahaja.

-Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
- Folic Acid

- Bahan- bahan tidak aktif
- Polyvinylpyrrolidone
- Magnesium Stearate
- Isopropyl Alcohol
- Lactose
- Maize Starch

- Nombor MAL
MAL19921064XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Tarikh Kemas Kini RiMUP
23/10/2024

Nombor Siri
NPRA(R4/1)171024/00118